

Bahasa Melayu dan Literasi Budaya sebagai Tonggak Tamadun Bangsa



Menteri Pendidikan Dr. Maszlee Malik menandatangani buku pelawat DBP, yang disaksikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan, Datuk Dr. Mohd Gazali Abas, Ketua Pengarah DBP, Datuk Haji Abdul Adzis Abas dan Timbalan Ketua Pengarah Dasar DBP, Datuk Haji Abang Salehudin Abang Shokeran.

Islam dalam bentuk sistem kesultanan. Kesultanan Melayu Melaka yang muncul pada awal abad ke-15 dapat dianggap menjadi pembuka babak sejarah baharu tamadun bangsa Melayu. Kemunculannya banyak membawa perubahan terhadap Tanah Melayu dan rantau Alam Melayu serta menjadi penyambung kewujudan empayar silam, sesudah runtuhnya empayar Sriwijaya.

Zaman Kesultanan Melayu berteraskan Islam telah membentuk hakikat bahasa Melayu baharu, sebagaimana yang berlaku dalam tamadun bangsa lain yang menerima Islam. Islam telah memperkenalkan dan memasukkan sekian banyak kosa kata yang mewakili



Buat julung kalinya di DBP, ucapan Menteri Pendidikan, diterjemahkan dalam bahasa isyarat.

tasawur dan pandangan sarwa Islam dalam aspek sistem kepercayaan dan dalam segala aspek kehidupan bermasyarakat. Demikian juga Islam telah memberikan acuan baharu kepada wacana bahasa Melayu dengan pengenalan akan pelbagai bentuk wacana yang sebelumnya tidak ada dalam tamadun Melayu, seperti wacana ketatanegaraan (seperti dalam *Tajul Salatin*), wacana undang-undang (seperti *Hukum Kanun Melaka*), wacana pensejarahan atau historiografi (seperti *Sulatus Salatin*, *Hikayat Aceh*, *Hikayat Raja Pasa*) dan pelbagai bentuk susastera prosa dan puisi.

Bahasa Melayu dalam zaman Kesultanan Melayu benar-benar menjadi tonggak tamadun kerana digunakan dalam segenap lapangan kehidupan - pentadbiran, undang-undang, diplomasi, perdagangan, ilmu dan pendidikan. Hari ini kita menghadapi gelombang

keyakinan dalam kalangan generasi muda terhadap bahasa kebangsaannya sendiri. Di sana sini, masyarakat melahirkan kebanggaan mereka terhadap luntarnya jati diri dan identiti anak muda kita. Hal ini sememangnya tidak dapat dielakkan kerana berlaku pada seluruh tamadun bangsa di dunia.

Walaupun begitu, hakikat pembinaan jati diri perlahan menjadi keutamaan. Gerakan literasi masyarakat, khususnya yang berkaitan dengan budaya dan kewarganegaraan merupakan unsur signifikan dan segera yang harus mendapat perhatian serius daripada semua

pihak. Hal ini disebabkan oleh literasi budaya dan kewarganegaraan tidak akan muncul secara tiba-tiba, melainkan dipupuk sedari awal lagi.

Literasi kebudayaan ini cukup penting kerana literasi ini mencakupi soal sejarah, sumbangan dan perspektif daripada kelompok-kelompok budaya yang berbeza-beza yang perlu diketahui, difahami dan dihayati demi memastikan setiap lapisan masyarakat sedar dan tahu akan sejarah bangsa serta negaranya.



Dr. Maszlee menandatangani replika buku buku *Fiqh al-Hadith Syarah Bulugh al-Maram* sebagai gimik pelancaran.



Literasi kewarganegaraan dalam kalangan masyarakat berbilang kaum di negara kita ini juga haruslah digerakkan sebaik-baik mungkin agar segenap peringkat masyarakat akan sedar serta tahu akan tanggungjawab dan kebertanggungjawaban sebenarnya mereka sebagai warganegara. Hal ini disebabkan literasi kewarganegaraan itu berkait rapat dengan kefahaman rakyat tentang bentuk serta fungsi pemerintah dan pemerintahan, kewarganegaraan, penglibatan sosial dan politik individu.

Dengan menggerakkan program literasi kebudayaan dan kewarganegaraan ini secara serius, masyarakat kita akan lebih terdidik tentang sejarah bangsa dan negara kita, sekali gus memahami unsur-unsur fundamental kebudayaan serta kewarganegaraan yang relevan dan signifikan untuk menjamin kesejahteraan rakyat serta kemakmuran negara yang berbilang bangsa dan latar belakang ini terus dilestarikan.

Proses argumentasi dalam masyarakat juga harus ditingkatkan kerana dari situlah lahirnya percambahan pemikiran yang menggalakkan interaksi dalam kalangan ahli masyarakat yang memberikan natijah positif kepada pembinaan sebuah tamadun bangsa. Oleh sebab itu, penerbitan buku dan program bicara buku merupakan inisiatif yang baik dalam usaha memasyarakatkan ilmu pelbagai bidang yang disertai oleh segenap lapisan masyarakat. Kita mahukan masyarakat yang saling berinteraksi dan tidak terkongkong dalam vakum sosial. Kita juga mahu melahirkan masyarakat penuh berkebhajikan yang akan memaksimumkan anggotanya

Dc. Maszlee mendengar penerangan daripada Ketua Pusat Dokumentasi Melayu DBP, Puan Kamariah Abu Samah tentang kejayaan beberapa buah buku terbitan DBP yang memenangi Anugerah Buku Negara.

agar tidak terikat, sebaliknya berkembang dalam membina jati diri masing-masing.

Dalam hal ini, DBP perlu meneruskan tradisi keilmuannya dalam pelbagai bentuk dan wahana baharu dalam zaman teknologi maklumat dan komunikasi yang terus berkembang ini. Penulisan dan penerbitan buku merupakan salah satu sumbangan ahli masyarakat terhadap perkembangan tradisi keilmuan, yang disusuli dengan sesi percambahan ilmu terhadap genre buku yang diterbitkan. Hal ini juga menunjukkan simbiotik penerbitan buku dan sesi percambahan ilmu. Penyampaian ilmu menjadi lebih tuntas dan dapat dimanfaatkan apabila turut disertai oleh penulis dan pengulas yang membicarakan buku yang diterbitkan. Inilah tradisi keilmuan yang perlu kita teruskan dalam proses kita membina sebuah negara bangsa yang unggul. **PB**

Teks ini disesuaikan daripada ucapan Menteri Pendidikan Malaysia, Dr. Maszlee Malik bersempena dengan Majlis Pelancaran Buku *Fiqh al-Hadith Syarah Bulugh al-Maram* terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka di Balai Budaya Tun Syed Nasir, Kuala Lumpur pada 3 Julai 2018.